



# RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

NO. TENDER	TAJUK KERJA	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH/ WAKTU TUTUP/ PEJABAT YANG MENGELUARKAN TENDER
7.0 - 02/2013	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN FAKULTI PERTANIAN DI LOT 2049, KOLEJ RISDA, MUKIM AYER PA'ABAS, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA	BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G6, Kategori B Pengkhususan B04	<b>16.04.2013</b> ( Selasa )  Jam : 11.00 Pagi  <b>KEHADIRAN DIWAJIBKAN</b>  Petender diminta berkumpul di :-  <b>Kolej RISDA, Lot 2020, Ayer Paabas, 78000 Alor Gajah, Melaka</b> (Tel: 06-5529227 /06-5529642)	RM 1,200.00	Mulai jam <b>11.00 pagi</b>  <b>18.04.2013</b> (Khamis)  Sehingga  <b>07.05.2013</b> (Selasa)	<b>08.05.2013</b> (Rabu)  Jam : 12.00 Tengah hari  Urusetia: Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.

Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "KETUA PENGARAH RISDA". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

**Isnin hingga Khamis : Dari jam 08.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan  
Dari jam 02.30 petang hingga 03.30 petang.**

**Jumaat : Dari jam 08.30 pagi hingga 11.30 tengah hari dan  
Dari jam 03.00 petang hingga 03.30 petang.**

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang Sah saja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskah** dokumen tender. Untuk maksud ini, kontraktor/wakil kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWAT TAPAK ASAL, SIJIL PENDAFTARAN ASAL PKK** dan **CIDB** yang masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA (2) salinan pendua kedua-dua sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender**. Perkhidmatan fotostat tidak disediakan. Petender dikehendaki menyediakan pengangkutan sendiri semasa menghadiri lawatan tapak.

Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Kerja** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender Urusetia Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur** tidak lewat daripada **08.05.2013 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengah hari**.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**PERINGATAN : "PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH DIBAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA" (AKTA 694)**